



كردان نكرى قرح دارالامان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

جبان كحاكمن شرعية نكري قرح دارالامان

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Aras 2, Bangunan Mahkamah Syariah, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Mu'adzam Shah, 06550 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Telefon: 604-700 1980 Fax: 604-700 1989 E-Mail: syariah.negeri@kedah.gov.my



Certified to ISO 9001 : 2015
Cert. No. : QMS 0167

SURAT PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE NEGERI KEDAH DARUL AMAN BILANGAN 1 TAHUN 2020

PANDUAN PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH SYARIAH SELURUH NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BAGI MENGELAKKAN PENULARAN WABAK COVID-19 MULAI 18 MAC 2020 HINGGA 31 MAC 2020

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19 berkuat kuasa mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 [Act 342] dan Akta Polis 1967 [Akta 344] yang telah diumumkan melalui Perutusan Khas YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia mengenai COVID-19 pada 16 Mac 2020 dan surat daripada YB Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman No. Rujukan PSU(K) 592-1441 Jld. 2 (8) bertarikh 17 Mac 2020. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah Darul Aman (JKSNK) telah menetapkan panduan pengendalian kes-kes di Mahkamah Syariah seluruh Negeri Kedah Darul Aman seperti yang berikut:

(a) Perbicaraan / Pendengaran / Sebutan / Pengurusan Kes Mal dan Jenayah

Semua perbicaraan / pendengaran / sebutan / pengurusan kes mal dan jenayah sepanjang tempoh 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 ditangguhkan dan notis penetapan tarikh yang baharu akan dikeluarkan kemudian.

(b) Prosiding Majlis Sulh / Rundingcara Bahagian Sokongan Keluarga / Majlis Tahkim / Pelaporan Jawatankuasa Pendamai

Semua prosiding yang melibatkan Majlis Sulh, Majlis Tahkim, Rundingcara Bahagian Sokongan Keluarga dan pelaporan oleh Jawatankuasa Pendamai sepanjang tempoh 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 ditangguhkan dan notis penetapan tarikh baharu akan dikeluarkan kemudian.

(c) Pemfailan dan Pendaftaran Kes Mal Baharu

(i) Pemfailan kes-kes mal baharu dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kes hanya akan diterima mulai pada 1 April 2020.

(ii) Bagi permohonan perakuan segera, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah akan mengendalikan dokumen perakuan segera tersebut setelah mendapat arahan selanjutnya daripada YAA Ketua Hakim Syarie.

(iii) Jadual hakim dan pegawai "siap sedia bertugas" (*stand by*) bagi pengendalian kes-kes perakuan segera akan diwujudkan bagi Mahkamah Tinggi Syariah dan ia akan dihadkan kepada seorang Hakim, seorang Pendaftar, seorang Pembantu Pendaftar, seorang Pembantu Tadbir (Kewangan) dan seorang Pemandu Kenderaan sahaja.

(iv) Hakim dan pegawai yang dijadualkan untuk "siap sedia bertugas" hanya perlu hadir ke Mahkamah setelah permohonan perakuan segera tersebut dibenarkan untuk dikendalikan oleh Ketua Hakim Syarie.

(d) Pemfailan dan Pendaftaran Kes Jenayah Baharu

(i) Sekiranya wujud keperluan untuk pendaftaran kes jenayah yang baharu, Pegawai Penguatkuasa Agama hendaklah terlebih dahulu memaklumkan dengan lebih awal kepada Hakim Mahkamah Rendah Syariah di lokasi yang berkaitan bagi tujuan persediaan oleh mahkamah.

(ii) Semua Ketua Pejabat bagi Mahkamah Rendah Syariah hendaklah sentiasa bersedia untuk bertugas atau menyediakan jadual hakim dan pegawai "siap sedia bertugas" bagi pengendalian kes-kes jenayah Syariah (bagi mahkamah yang mempunyai lebih daripada seorang hakim) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini berkuat kuasa.

(iii) Urusan pendaftaran dan pengendalian kes tersebut hanya perlu melibatkan seorang Hakim, seorang Pendaftar/Penolong Pendaftar, seorang Pembantu Pendaftar dan seorang Pembantu Tadbir (Kewangan) sahaja.

(iv) Nombor telefon yang boleh dihubungi hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pegawai Penguatkuasa Agama di setiap daerah yang berkaitan.

(e) Permohonan Jamin

Bagi kesalahan yang boleh dijamin, semua Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah memastikan urusan jamin dapat diproses seperti biasa.

Sebarang pertanyaan boleh dibuat dengan menghubungi mana-mana pegawai yang berikut:

- (a) Tuan Syeikh Muhammad Faizal bin Mohd Mahayadin
Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
No. Telefon: 019-3142005; atau
- (b) Encik Mohd Mokhtar bin Sulaiman
Penolong Pendaftar,
Unit Pengurusan Mahkamah Rendah Syariah
No. Telefon: 019-4186023

Jabatan ini akan memaklumkan sebarang perubahan arahan bagi pengendalian kes-kes di Mahkamah Syariah Negeri Kedah Darul Aman dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“SYARIAH ASAS KeadILAN”

“KEDAH AMAN MAKMUR - HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SYEIKH HAJI ABD RAHMAN BIN HJ. ABDULLAH, DPMK., AMK., BCK.)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

Negeri Kedah Darul Aman

Bertarikh 18 Mac 2020